

U B528 AAB

MAHATHIR-NAM

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- KALANGAN PEMIMPIN DUNIA KETIGA YANG DITEMUI OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PADA PERSIDANGAN KEMUNCAK KELAPAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI (NAM) SEPAKAT UNTUK MENERIMA DAN MELAKSANAKAN CADANGAN-CADANGAN YANG BAKAL DIKEMUKAKAN OLEH SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN MENGENAI ISU-ISU PEMBANGUNAN.

+MEREKA MEMBERI KOMITMEN SECARA PRINSIP APABILA MEREKA SEMUA MENYEBUT TIDAK MAHU MELIHAT SATU LAGI LAPORAN BRANDT YANG KINI HANYA DIJUAL DI KEDAI-KEDAI BUKU,+ KATA PERDANA MENTERI MENGENAI USAHA-USAHANYA UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN PENUBUHAN SURUHANJAYA ITU DI HARARE, ZIMBABWE.

KATANYA, MEREKA BERPENDAPAT TIDAK ADA GUNANYA LAGI MENGADAKAN SATU LAGI KAJIAN AKADEMIK KERANA MEREKA MAHU MELIHAT CADANGAN-CADANGAN YANG DAPAT DILAKSANAKAN.

MEREKA YANG DITEMUI OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR SELAKU PENERUSI JAWATANKUASA PEMANDU TERMASUK PARA PEMIMPIN DARI ZIMBABWE, PAKISTAN, INDIA, ZAMBIA, TANZANIA, BHUTAN, NEPAL DAN PERU.

MENGENAI KEANGGOTAAN SURUHANJAYA ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAIK-BAIKNYA ANGGOTA-ANGGOTANYA TIDAK TERDIRI DARIPADA PEGANAI YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN TETAPI CEDIAKIAWAN YANG TIDAK TERIKAT DENGAN MANA-MANA KERAJAAN. -- LAGI
1222MST 08 09 86

U B533 AAB

MAHATHIR-NAM 2 KUALA LUMPUR

CADANGAN PENUBUHAN SURUHANJAYA ITU YANG BAKAL DIPENGERUSIKAN OLEH BEKAS PRESIDEN TANZANIA JULIUS NYERERE MENDAPAT PERSETUJUAN PERSIDANGAN KEMUNCAK KELAPAN NAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYEBUT CADANGAN UNTUK MEWUJUDKAN RANGKAIAN UNIVERSITI ANTARABANGSA DI SELATAN SEBAGAI TEMPAT PENGAJIAN BAGI PARA PELAJARNYA.

INI KERANA MEMANDANGKAN ADA 300,000 HINGGA 400,000 PELAJAR SELATAN YANG MENUNTUT DI NEGARA-NEGARA UTARA YANG MELIBATKAN PENGALIRAN KELUAR WANG KE NEGARA-NEGARA BERKENAAN YANG SUDAH PUN KAYA.

+ RANGKAIAN UNIVERSITI ITU AKAN DAPAT MEWUJUDKAN HUBUNGAN RAPAT DI KALANGAN PELAJAR SELATAN YANG AKHIRNYA DAPAT MENGHASILKAN PERSEFAHAMAN DI KALANGAN NEGARA SELATAN,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENYEBUT CADANGAN UNTUK MEWUJUDKAN SATU PUSAT SUMBER BAGI MEMBOLEHKAN SETIAP AKTIVITI DI NEGARA-NEGARA SELATAN DIKETAHUI DI KALANGAN MEREKA. -- LAGI

1245MST 08 09 86

U 8537 AAB

MAHATHIR-NAM 3 KUALA LUMPUR

+SETIAP NEGARA DI SELATAN AKAN DAPAT MERUJUK UMPAMANYA TAWARAN-TAWARAN YANG DIBUAT OLEH NEGARA LAIN, MENGENAI PERUNDANGAN PERNIAGAAN SERTA KEKURANGAN DAN BERLEBIHAN SESUATU BARANGAN DI SESEBUAH NEGARA SELATAN,+ KATANYA.

BELIAU MEMBERIKAN PERHUBUNGAN MALAYSIA-ZIMBABWE SEBAGAI CONTOH APABILA TIDAK DIJALANKAN PERDAGANGAN DUA HALA DISEBABKAN OLEH KURANGNYA ATAU TIDAK ADANYA APA-APA MAKLUMAT MENGENAI KEGIATAN MASING-MASING.

MENGENAI ISU KAMPUCHEA, MALAYSIA KECEWA DENGAN KEGAGALAN PERGERAKAN ITU UNTUK MENYELESAIKANNYA, TERUTAMANYA MENETAPKAN SYARAT-SYARAT UNTUK MEMECAT KEANGGOTAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN, BERKATA BANYAK NEGARA YANG MENYOKONG PENDIRIAN MALAYSIA ITU DAN MENYATAKAN AKAN TERUS MEMBERI SOKONGAN MORAL KEPADANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BANYAK DI KALANGAN ANGGOTA PERGERAKAN ITU YANG BERASA HAIRAN DENGAN PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI ISU APARTHEID. -- LAGI

1302MST 08 09 86

U 8549 AAB

MAHATHIR-NAM 4 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MALAYSIA TELAH MENGENAKAN SEKATAN SERTA MEMUTUSKAN HUBUNGAN DENGAN AFRIKA SELATAN SEJAK 1961 LAGI TATKALA KEBANYAKAN NEGARA DI BENUA AFRIKA MASIH LAGI DIJAJAH.

KETIKA DITANYA MENGAPAKAN TIDAK DIWAJIBKAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA MEYEKAT APA JUA PERHUBUNGAN DENGAN AFRIKA SELATAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA AFRIKA YANG BERKENAAN MEMPUYAI MASALAH YANG DIWUJUDKAN SEJAK ZAMAN PENJAJAHAN BRITISH LAGI.

PERGANTUNGAN NEGARA-NEGARA YANG MENGELILINGI AFRIKA SELATAN TERLALU BERAT YANG MENYEBABKAN APA JUGA TINDAKAN UNTUK MEMUTUSKAN HUBUNGAN AKAN MENGAKIBATKAN MASALAH YANG BESAR KERANA SEMUA BEKALAN DATANGNYA DARI AFRIKA SELATAN.

KATANYA ALTERNATIFNYA PULA MELALUI PELABUHAN DI MOZAMBIQUE DAN TANZANIA DIBEKAT DENGAN KEGIATAN GERILA +YANG SENGAJA DIWUJUDKAN+ DI SELATAN MOZAMBIQUE.

SECARA KESELURUHANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERPUAS HATI DENGAN PENYERTAANNYA PADA PERSIDANGAN KEMUNCIAK ITU SERTA DENGAN PERBINCANGAN YANG DIADAKAN DENGAN RAKAN SEJAWATANNYA. -- BERNAMA
1407MST 08 09 86